

Pengurusan Harta dalam Konteks *Tabarru'Ēt Mara' Mara' Al-Mawt* Menurut Pandangan Fuqaha'

Abdul Bari Bin Awang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
abdbari@iium.edu.my

Naimah Binti Mohamad Nasir
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
naimah.nasir@live.iium.edu.my
naimah011@gmail.com

Amilah Binti Awang Abd. Rahman
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
amilah@iium.edu.my

ABSTRAK

Pengurusan, perancangan dan peralihan harta melibatkan dua peringkat, iaitu semasa hidup dan selepas kematian. Penyakit terminal (*maral' maral' al-mawt*) ini merupakan satu keadaan seseorang yang mengalami penyakit yang boleh membawa kematian. Keadaan pesakit terminal yang kompleks dan bervariasi antara hidup dan mati, serta hukumnya yang berubah-ubah sebagai orang yang sihat atau pesakit *maral' al-mawt* ini memerlukan pemerhatian yang halus dan teliti dalam penentuannya dari sudut fiqh dan perubatan. Hal ini penting kerana keadaan sihat dan sakitnya seseorang pemilik harta akan memberi kesan yang berbeza, terutama sekali dalam pemberian sukarela (*tabarru'Ēt*) seperti wakaf, wasiat dan hibah kepada orang lain. Maka, kesilapan dalam menentukan penyakit terminal ini dan mengambil ringan terhadap tahap penyakit dan kondisi pesakit samada seseorang itu mengalami *maral' maral' al-mawt* ataupun tidak, akan membawa kepada kesilapan dalam menentukan kadar pemberian dan pembahagian harta dalam proses pengurusan harta ini. Maka, syariat Islam melihat perkara ini sebagai sesuatu yang kritikal kerana melibatkan hak pemilik harta atau pesakit terminal itu sendiri dan hak orang lain. Justeru, artikel ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan cara menganalisis perbezaan pendapat para fuqaha' klasik dan kontemporari melalui rujukan perpustakaan untuk memahami isu ini dengan baik. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pengurusan harta dan kepentingannya dalam konteks wakaf, wasiat dan hibah dengan mengenalpasti definisi dan konsep wakaf, wasiat dan hibah serta mengkaji indikator penting dalam penentuan *maral' maral' al-mawt* dan kesannya terhadap tiga jenis *tabarru'Ēt* ini. Hasil kajian ini mendapati status hukum wakaf, wasiat dan hibah semasa hidup si pesakit *maral' maral' al-mawt* ini secara automatiknya tertakluk pada had wasiat iaitu satu pertiga demi menjaga kemaslahatan dan mengelak kemudaratan, serta memerlukan kepada izin waris dan pemberi hutang sekiranya pemberian itu melebihi kadar satu pertiga harta.

Kata kunci: Hibah, Wasiat, Wakaf, *Maral' Mara' Al-Mawt*, Pesakit Terminal.

PENGENALAN

Pemberian secara sukarela seperti wasiat, hibah dan wakaf sangat dituntut oleh Islam. Syariat Islam mengambilkira medium transaksi pindah milik ini sebagai satu kebaikan yang berpanjangan bukan sahaja memberi manfaat kepada pemilik harta bahkan kepada orang lain di dunia dan di akhirat. Terdapat banyak ayat Al-Quran menerangkan akan kelebihan pemberian secara sukarela pada jalan Allah *subhanahu wa ta'ala* antaranya firman Allah ta'ala:

(مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ)

“Siapakah yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya ke jalan Allah), Maka, Allah akan melipatgandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah akan menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepadaNya kamu kembali” (Surah Al-Baqarah, 2: 245)

(مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أُنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ)

“Perumpamaan orang yang menafkahkan hartanya ke jalan Allah adalah seumpama sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; pada setiap tangkai seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki. Dan Allah Maha luas kurniaNya, lagi Maha mengetahui” (Surah Al-Baqarah, 2:261)

Disamping itu, perbincangan tentang pemberian secara sukarela ini juga berkait rapat dengan konsep pemilikan didalam Islam kerana proses pemberian bermula dengan pemilikan. Islam sebagai agama yang menyeluruh atau *syumul* telah memberi garis panduan yang sistematik terutama sekali dalam urusan pemilikan harta. *Syariat Islam* mengambil berat tentang hal ini kerana, harta itu sendiri mempunyai nilai estetika yang tinggi yang terangkum didalamnya hak pemilik dan orang lain. Begitu juga, Islam mengiktiraf pemilikan seseorang terhadap hartanya dengan cara melindungi harta tersebut dengan pelbagai cara seperti menetapkan hukuman bagi yang mencuri, merosakan serta menghalang apa-apa sahaja perkara yang boleh mengganggu pemilikan seseorang terhadap hartanya melainkan dengan cara yang dibenarkan (Zaghbah, 2010).

Pada masa yang sama, Islam juga mengiktiraf pemilikan harta oleh seseorang individu sebagai suatu hak milik sempurna, dalam erti kata lain memberikan suatu kebebasan kepada pemiliknya untuk menggunakan, melakukan sebarang transaksi pindah milik harta mereka termasuk wasiat, hibah dan wakaf dalam batas-batas yang ditetapkan (Abdullah, 2004). Hal ini demikian kerana didalam setiap harta pemilikan seseorang itu terdapat hak orang lain yang perlu ditunai samada secara sukarela seperti wasiat, hibah, wakaf atau pemberian atas dasar kewajipan seperti zakat harta yang mencukupi *nisab* dan *haul*nya. Keadaan ini menunjukkan, pemilikan harta individu disisi Islam bukan satu hak inklusif yang terhad kepada pemilik harta tersebut kerana sebarang mudarat atau risiko penggunaan daripada harta tersebut turut perlu mengambilkira tentang beberapa aspek lain kerana hal ini termasuklah hak pemberi hutang dan waris dalam harta tersebut. Maka, perlu dipatuhi kadar atau batas-batas bagi setiap hukum yang telah ditetapkan seperti isu penetapan satu pertiga kadar wasiat, hibah dan wakaf *tabarru'at mara' al-mawt* ini.

Hal ini berdasarkan riwayat hadis yang menceritakan tentang bagaimana Rasulullah *salallahu alaihi wasallam* menghadapi dan memberi solusi kepada pesakit *mara' al-mawt* ini,

Daripada Sa'ad bin Waqid *radiallahu 'anh* berkata: “Ketika saya menderita sakit keras waktu melakukan hajjatul wada' (haji wada'), datanglah Rasulullah s.a.w berkunjung ke tempatku, maka saya bertanya: “Ya Rasulullah, penyakitku ini agak berat, dan aku seorang hartawan, sedang waris ku tak ada kecuali seorang puteriku, bolehkah aku sedekahkan dua pertiga dari hartaku? Rasulullah s.a.w menjawab: “Tidak”. Saya bertanya: “separuh?” Rasulullah s.a.w menjawab: “Tidak”. Saya bertanya: “Sepertiga ya Rasulullah?” Rasulullah

s.a.w menjawab: “Sepertiga itu cukup banyak dan besar, sesungguhnya jika engkau meninggalkan ahli warismu kaya-kaya, lebih baik daripada kau tinggalkan mereka miskin, hingga terpaksa meminta-minta pada orang...”(Al-BukhÉrÉ, 2001:4:3).

Jelas daripada riwayat hadis tersebut, Rasulullah s.a.w mengambil berat permasalahan pemberian sukarela bagi pesakit *maral maral al-mawt* ini dengan hanya menetapkan kadar maksimum pada satu pertiga sahaja sedangkan sudah maklum Islam sangat mengalu-alukan dan memberi galakan pemberian sukarela tanpa menetapkan kadar tertentu padanya untuk mencapai makna kebajikan sebenar.

(لَنْ تَتَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ)

“Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian daripada harta yang kamu cintai, dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah s.w.t mengetahuinya.” (Surah Ali-Imran, 3:92)

Sudah pasti terkandung relevansi disebalik penetapan hukum ini dan hikmah yang besar *tabarruÑÉt* ini terikat dengan masa dan keadaan pemberi terutama ketika *maral maral al-mawt*. Dapat difahami bahawa perkara yang paling penting dalam pemberian atau *tabarruÑÉt* bukan pada kadar atau kuantiti akan tetapi kemaslahatan hasil daripada pemberian tersebut terhadap pemberi dan penerimanya.

Malah, untuk menunjukkan peri pentingnya isu ini juga dapat dilihat didalam peruntukan undang-undang sebagai contoh peruntukan didalam *Majallah Al-Ahkam Al-Adliyah* (مجلة الأحكام العدلية) seksyen (1595) iaitu pada subtopiknya yang bertajuk “*fi haq hibbatul marÉd*”(HaidÉr, 2003:483), *Al-QanÉn Al-MadanÉ Al-UrdunÉ, Mashru’ Al-QÉnÉn Al-MadanÉ Al FalasínÉ* (Al-Haq, 2011) dan sebagainya menjadi sebahagian peruntukan dalam undang-undang negara masing-masing termasuk Malaysia dalam enakmen beberapa negerinya yang menyebut secara jelas perihal wasiat pesakit kritikal atau *maral maral al-mawt* , iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 (Enakmen 4 tahun 1999), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004 (Enakmen 5 tahun 2004), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka 2005 (Enakmen 4 tahun 2005) (Mohamed Asjad, Norhapizah Burhan, Mohamad Akmal Azman Jusoh, Mohd Farihal Osman, 2016:206). Hal ini menunjukkan topik ini sangat signifikan dan penting untuk dibincangkan kerana terdapatnya peruntukan khas didalam undang-undang islam.

KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan kepada soroton literatur yang dilakukan terdapat perbahasan mengenai *maral maral al-mawt* ini oleh ulama’ klasik dan kontemporari, akan tetapi perbahasan ini berlaku secara berasingan terutama sekali dalam konteks pemberian secara sukarela ini iaitu wasiat, hibah dan wakaf. Maka, perbahasan khusus tentang perkara ini dilihat sebagai suatu yang penting oleh kerana isu ini sangat berkait rapat dengan amalan kebiasaan dalam kalangan masyarakat pada masa kini yang menganggap semua permintaan simati perlu dipenuhi sehingga membelakangi hukum syÉri’(Mohamed Asjad, Norhapizah Burhan, Mohamad Akmal Azman Jusoh, Mohd Farihal Osman, 2016) termasuk dalam isu pemberian *maral maral al-mawt*. Sedangkan Islam secara umumnya lebih mengutamakan dan kemaslahatan umum daripada tuntutan peribadi apabila bertemu kedua-dua hak ini dalam prinsipnya. Hal ini perlu diperbetulkan supaya dapat mencapai maqasid disebalik hukum khusus bagi *maral maral al-mawt* ini. Terdapat beberapa aspek yang perlu diberi penekanan untuk memahami isu ini:

Konsep *TabarruÑÉt* dalam Isu *Maral Maral Al-Mawt*

Sebelum memahami definisi hibah, wakaf dan wasiat yang digariskan oleh syarak, perlu memahami konsep *tabarru'Ēt* terlebih dahulu. *Tabarru'Ēt* adalah kata jama' bagi perkataan *tabarru'* dan dari segi bahasa bermaksud suatu pemberian yang tidak diwajibkan keatasnya dan seseorang melazimkan keatas dirinya untuk melakukan sesuatu perkara yang tanpa disuruh atau melakukan sesuatu tanpa balasan (Ibn ManzĒr, 1994:8:243; Al-FayĒmi, t.t:1:44). Manakala, *tabarru'Ēt* dari sudut istilah pula, ulama' kontemporari tidak meletakkan makna yang khusus, mereka hanya menjelaskan jenis-jenis *tabarru'Ēt* seperti hadiah, wasiat dan sebagainya (Al-Saudi, 2014:103). Berdasarkan gambaran umum tersebut, dapat difahami konsep *tabarru'Ēt* dalam Islam, iaitu pemberian ini berlaku secara sukarela dan berlaku tanpa balasan atau imbalan daripada pihak penerima, berbeza dengan akad *mu'Ēwalaĥ*. Selain itu, Konsep *tabarru'Ēt* merupakan suatu yang sifatnya umum terangkum didalamnya suatu akad yang dipersetujui oleh dua pihak atau pemberian atas kehendak atau pilihan satu pihak sahaja seperti wasiat (SamĒhi, 2012:20).

Tambahan pula, *tabarru'Ēt* meliputi pemberian dalam bentuk fizikal (*Ēayn*) atau manfaat. Secara umumnya, *tabarru'Ēt* ini tiada had atau kadar khusus ditetapkan bagi pemberinya, seolah-olah merujuk kepada hibah secara khusus, akan tetapi disebabkan keluasan maknanya, tidak hanya merujuk kepada hibah malah merangkumi sedekah, hadiah, wakaf dan sebagainya. Kadarnya yang tidak terhad ini menunjukkan islam meraikan pelbagai pihak yang ingin melakukan amal kebajikan, dari sekecil-kecil pemberian sehinggalah sebesar-besar pemberian asalkan ikhlas kerana Allah. Pada waktu yang sama, perlu diingat kadarnya yang tidak terhad perlu dipelihara oleh pemberi bagi menjaga prinsip keadilan didalam islam iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya sepertimana kes *tabarru'Ēt* dalam konteks *maral' maral' al-mawt* ini tertakluk kepada satu pertiga .Kecuaian dalam melaksanakan pengecualian khusus ini akan menyebabkan hak orang lain terganggu kerana hal ini melibatkan hak waris-warisan dan pemberi hutang (NawĒwĒ, t.t:20:294).

Antara akad *tabarru'Ēt* yang boleh dijadikan sebagai satu medium perancangan harta semasa hidup dalam konteks *tabarru'Ēt* ini ialah hibah, wakaf dan wasiat. Pengertian Hibah dari sudut bahasa daripada perkataan (*wahaba*) yang memberi maksud pemberian tanpa mengharapkan balasan (Al-FayĒmĒ, t.t : 2:673). Tambahan pula, dari segi istilah bermaksud pemberian harta secara sukarela tanpa paksaan kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*Ēiwal*) samada dalam bentuk fizikal (*Ēayn*) atau manfaat bukan tujuan mendapat pahala akhirat dan memuliakan seseorang (Mohd Zamro Muda, 2008:2).

Pengertian dari sudut bahasa bagi wakaf merangkumi maksud menahan (*al-imsĒk* atau *al-habs*) dan mencegah (*al-man'Ēu*) (Kasdi, 2017). Wakaf pada istilah daripada pendapat para fuqaha' pula ialah "menahan harta yang bermanfaat, serta kekal pada fizikalnya, untuk diberikan kepada jalan kebaikan"(Mek Wok Mahmud, Akhtarzaite Abdul Aziz, Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2012:3)

Pengertian wasiat dari segi bahasa ialah " suatu amanah untuk menjalankan urusan atau pindahan pemilikan harta pewasiat kepada orang lain semasa hidupnya atau selepas matinya pewasiat tersebut". Wasiat pada istilah ialah pemilikan harta kepada orang lain yang berlaku selepas kematian dengan cara pemberian sukarela samada dalam bentuk harta fizikal (*Ēayn*) atau manfaat (Al-ZuhaylĒ, 2007:12).

Justeru itu, berdasarkan kepada tiga takrifan tersebut jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga definisi ini mendatangkan konsep umum tanpa tidak diikat dengan sebarang halangan ataupun pengecualian seperti pelaksanaan ketiga-tiga akad *tabarru'Ēt* keatas pesakit *maral' al-mawt* ini. Pendek kata, definisi-definisi ini tidak membezakan hukum orang yang sihat dan sakit. Penting untuk diketahui terdapat beberapa keadaan yang boleh mengubah hukum asal bagi *tabarru'Ēt* ini.

Definisi *Maral' Maral' Al-Mawt* (penyakit terminal)

Terdapat dua perkataan yang zahir daripada istilah Bahasa Arab *marāḥ marāḥ al-mawt* iaitu, *marāḥ* (مرض) dan *mawt* (موت). Maksud perkataan pertama: *marāḥ* atau sakit ialah “lawan bagi perkataan sihat” (Al-RÉZÊ, 1999:293) ataupun membawa maksud “keadaan jasad yang tidak berada di tahap normal iaitu anggota badannya mampu berfungsi dengan baik pada waktu kebiasaannya, dan penyakit itu boleh menghalang seseorang itu dari segi fizikal, mental dan emosinya daripada melakukan aktiviti kebiasaannya secara semulajadinya” (KanÉÑn, 2006: 845). Manakala, pada perkataan kedua: *mawt* atau mati ialah “lawan bagi perkataan hidup” dan “perpindahan manusia daripada keadaan hidup kepada mati”(KanaÉÑn, 2006: 871).

Dari segi Istilah *marāḥ marāḥ al-mawt* ini, DÉym (2007) telah menyimpulkan daripada pelbagai pendapat ulama’ terdahulu dan kontemporari bahawa *marāḥ marāḥ al-mawt* ialah “suatu penyakit yang melemahkan bagi seseorang lelaki daripada aktiviti kebiasaannya seperti keluar dari rumah untuk memenuhi kehendak hidup, bekerja dan sebagainya. Manakala, bagi perempuan pula, penyakit *marāḥ al-mawt* ini menyebabkan mereka lemah untuk melakukan aktiviti kebiasaannya di rumah seperti mengemas, menyusun, memasak dan sebagainya. Kebiasaan penyakit terminal ini boleh membawa kepada kematian dan sifatnya berterusan kurang daripada tempoh setahun atau lebih daripada tempoh setahun dalam keadaan penyakit itu bertambah kritikal seperti penyakit kanser, AIDS, pendarahan otak. Kegagalan fungsi buah pinggang dan sebagainya. Selain daripada sebab penyakit, faktor lain seperti dibunuh, lemas, dibakar samada ada seseorang itu terlantar atau pun tidak, juga termasuk dalam kategori penyakit terminal ini” (h.103).

Selain itu, penyakit terminal yang ditakrifkan dari sudut psikologi dan perubatan oleh Sundeen dan Stuart (2013) membawa maksud penyakit yang tidak dapat disembuhkan dan tidak ada penawarnya, dan penyakit ini membawa kematian yang tidak dapat dihindari dalam waktu yang bervariasi mengikut potensi pesakit.

Syarat penyakit atau keadaan yang dikategorikan sebagai *marāḥ marāḥ al-mawt* (penyakit terminal)

Penyakit terminal ini boleh dikenalpasti dari sudut fiqh melalui definisi yang dibawa oleh DÉym (2007) dan Al-SÉmirai (1983) ini dan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, pertama: ketidakmampuan untuk mengerjakan aktiviti kebiasaan atau memenuhi kemaslahatannya, kedua: perasaan takut dan hampir kepada kematian, ketiga: berlaku kematian dalam tempoh tertentu. Ketiga-tiga perkara ini dianggap syarat-syarat yang penting sebelum diambil kira perbuatan seseorang itu sebagai pesakit terminal atau *marāḥ marāḥ al-mawt*.

1) Ketidakmampuan untuk mengerjakan aktiviti kebiasaan atau memenuhi kemaslahatannya.

Al-SarakhsÊ (1993) membincangkan perihal pesakit terminal ini perlu memenuhi syarat seseorang itu tidak mampu untuk melakukan aktiviti kebiasaannya sebagai contoh, tidak mampu pergi ke pasar, mengemas rumah dan sebagainya. Malah, termasuk dalam golongan ini, orang yang tidak dapat melaksanakan pekerjaannya. Akan tetapi, justifikasi untuk ketidakmampuan ini adalah keadaan ini mestilah akibat daripada penyakit bukan atas faktor selainnya. Maka, penyakit tua dan kecacatan anggota yang menghalang seseorang melakukan aktiviti kebiasaannya bukan dikategorikan sebagai *marāḥ marāḥ al-mawt* atau pesakit terminal dan tambahnya lagi pesakit terminal ini juga tidak semestinya berada dalam keadaan terlantar sakit oleh kerana terdapat pesakit *marāḥ al-mawt* tetapi masih boleh melakukan aktiviti sehariannya.

2) Perasaan takut kepada kematian.

Syarat kedua ini menjadi syarat utama dalam penentuan *marāḥ marāḥ al-mawt*. Ketiadaan syarat kedua pada penyakit akan menjadikan penyakit terminal atau *marāḥ*

marāʾ al-mawt ini sama seperti penyakit biasa sebagai contoh, sakit kepala, demam, selsema, batuk dan sebagainya. Oleh kerana, tahap keseriusan atau kritikal suatu penyakit *marāʾ al-mawt* itu boleh menyebabkan rasa takut yang mendalam dalam diri pesakit akan kematian, ini membezakan antara penyakit biasa dengan penyakit terminal, maka dilihat tidak cukup sekadar ciri ketidakmampuan seseorang itu terhadap pekerjaan dan aktiviti hariannya sebagai bukti *marāʾ marāʾ al-mawt*. Malah, ciri-ciri *marāʾ marāʾ al-mawt* juga perlu diutamakan (Al-Haq, 2011). Tahap keseriusan dan rawatan berubah mengikut peredaran zaman, banyak penyakit yang tidak mampu untuk sembuh berlaku sebaliknya pada zaman sekarang iaitu penyakit itu mampu diubati. Maka, suatu penyakit itu perlu merujuk kepada pakar perubatan (DÉym, 2007). Walaubagaimanapun, para ulama' memberi garis panduan pada zahir suatu penyakit itu terbahagi kepada dua keadaan samada, keadaan pertama: penyakit kritikal yang tidak mampu diubati dan boleh membawa maut, keadaan kedua: penyakit yang kronik yang makin hari bertambah kritikal sehingga datang rasa takut akan kematian, akan tetapi jika tak bertambah sakitnya maka ianya bukanlah penyakit *marāʾ marāʾ al-mawt* maka segala perbuatan dan perkataannya dihukum sepertimana orang yang sihat yang tidak tertakluk pada hukum wasiat satu pertiga *marāʾ marāʾ al-mawt*.

3) Berlaku kematian dalam tempoh tertentu.

Syarat ketiga ini pelengkap kepada dua syarat diatas, sekiranya seseorang tidak mampu melakukan aktiviti dan menghadapi penyakit itu sehingga mengancam dirinya dan merasakan kematian itu sangat hampir dengannya, maka jika berlaku kematian walaupun bukan atas faktor penyakit tersebut tetapi atas faktor lain seperti mati lemas, dibunuh dan sebagainya dalam tempoh setahun atau tempoh melebihi setahun apabila suatu penyakit itu bertambah teruk menjadi penentu kepada suatu penyakit itu diambilkira sebagai *marāʾ marāʾ al-mawt*. Walaubagaimanapun jika pesakit sembuh daripada penyakit maka hukumnya seperti orang sihat.

Jesteru, daripada perbahasan dari sudut fiqh diatas, tiga syarat ini saling melengkapi antara satu sama lain, dan perlu diambil perhatian padanya. Nasihat paling penting bagi pesakit dan keluarga perlu mendapatkan nasihat doktor atas perkara ini. Pengesahan dari pakar perubatan ini penting kerana menurut sebahagian pandangan para ulama' antaranya Imam NawÉwÊ *rahimahullah* menetapkan bahawa penentuan *marāʾ marāʾ al-mawt* ini "tak akan diterima melainkan mengikut pandangan dua orang atau seorang doktor yang baligh, mahir dan dipercayai dalam hal ini" (Al-NawÉwÊ, t.t: 15: 443)

Konsep Ahliyyah dan Masa dalam Isu TabarruÉt Pesakit Marāʾ Al-Mawt

Isu *tabarruÉt* ini sangat berkait dengan konsep *ahliyyah* yang membawa maksud kemampuan dan kelayakan untuk memikul segala tanggungjawab atau *taklÉf* atas segala perkataan dan perbuatan yang dilakukannya (ZaidÉn, 2014) kerana seseorang yang melakukan pemberian sukarela ini perlu mencapai akal yang baligh dan *rushd* sedangkan bagi penerima pemberian ini hanya perlu mencapai akal yang *mumayyiz* iaitu sedar dan mampu membezakan baik dan buruk (Al-ZarqÉ' 2012:2: 782). Hal ini menunjukkan *Syariah Islamiyyah* sangat menjaga hak-hak manusia dalam apa jua keadaan agar kemaslahatan dapat dicapai dalam setiap perkara. Konsep *ahliyyah* bukan sahaja merujuk kepada kelayakan seseorang melakukan sesuatu disisi syaraÑ akan tetapi merujuk kepada satu proses pembinaan akal dan jasmani yang berperingkat dan sejahtera (Jayusman, 2016) kerana proses ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi segala keputusan dan perbuatan *mukallaf* dalam kehidupan sehariannya. Konsep ini penting dalam sah dan batalnya semua perbuatan *mukallaf* termasuk dalam isu *marāʾ marāʾ al-mawt* ini.

Jesteru, melalui perbahasan para ulama' tentang *tabarru'Ét* ini, mereka juga menekankan aspek kesihatan dan kewarasan akal dalam melakukan suatu akad pemberian sukarela. Jika kecuaiian dan kesalahan dalam pemberian berlaku akibat akal yang terganggu atas faktor fisiologi dan psikologinya, keadaan ini akan mendatangkan risiko dan mudarat kepada pemberinya (Al-ZarqÉ', 2012), waris-warisnya dan pemberi hutangnya. Hal ini demikian kerana, Pesakit *maral' maral' al-mawt* ini kadangkalanya boleh melakukan sesuatu luar dari jangkauan akibat penyakit tersebut dengan memberikan sebahagian atau keseluruhan hartanya sehingga mendatangkan kemudaratan kepada waris-waris dan pemiutangnya, maka para ulama' sangat mengambil berat tentang kes ini.

Di samping itu, *maral' maral' al-mawt* ini juga dikaitkan dengan kematian atau sebahagian ulama' mengelarkannya *syibhul mawt* atau menyerupai ciri-ciri seseorang yang mati, sedangkan keadaan pesakit ini masih hidup dan hukumnya sangat berbeza dengan hukum orang yang telah mati iaitu; apabila matinya seseorang maka telah hilang baginya *ahliyyah wujub* dan *ada'* begitu juga gugur pemilikan hartanya dan berpindah hartanya kepada orang lain. Manakala, bagi orang yang sihat tubuh badan atau sakit, aÑkil dan baligh, mereka memiliki *ahliyyah wujub* dan *ada'* yang sempurna, segala perbuatan mereka perlu dipertanggungjawabkan dan diambilkira segala perbuatan dan perkataannya dari segi syaraÑ (Jayusman, 2016).

Akan tetapi, penting untuk mengetahui bahawasanya seseorang yang sudah mencapai *ahliyyah kamaliah*, juga sering terdedah waktu sihat dan sakit, keadaan selamat dan bahaya, hidup dan mati, setiap satu keadaan memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada segala perbuatan seseorang *mukallaf*. Sebaliknya, bagi pesakit terminal ini keadaannya berada diantara hidup dan mati dan keadaannya yang sakit tenat ini mungkin boleh menyebabkan *ahliyyahnya* berkurang atau hilang. Para ulama' terdahulu dan kontemporari membahaskan isu ini dan mereka berpendapat *maral' maral' al-mawt* ini antara halangan atau *aÑwarid ahliyyah* iaitu perkara yang mempengaruhi manusia atas perbuatannya terhadap harta dan dirinya, dan menghalang suatu pelaksanaan hukum samada secara sebahagian (*juz'i*) atau keseluruhan (*kulli*).

Selain itu, para ulama' menambah lagi, dalam senario ini, walaupun *maral' maral' al-mawt* ini dikenalpasti sebagai penyakit kritikal dan sering dikaitkan dengan hak waris dan pemberi hutang dari mulanya penyakit ini didiagnos sehingga matinya pesakit tersebut, pesakit ini tetap mempunyai kelayakan yang sempurna (*ahliyyah kÉmilah*) selagimana tidak mengganggu keupayaannya untuk membezakan baik dan buruk (*tamyiz*) dan mampu membuat keputusannya yang rasional dalam segala pilihan dan perbuatan. Jika berlaku sebaliknya, maka *ahliyyah* ini boleh berkurangan atau hilang dan terkeluar dari *hukum maral' maral' al-mawt* ini berubah kepada hukum lain (Al-Haq 2011:528).

Perbezaan *Maral' Maral' Al-Mawt* dengan Penyakit Lain

Terdapat banyak penyakit yang dikenalpasti di seluruh dunia oleh para pakar perubatan dari dahulu sehingga kini. Setiap satu penyakit tersebut mempunyai tahap kritikal dan kondisi yang berbeza berbanding penyakit selainnya. Malah, penyakit-penyakit ini juga mempunyai reaksi yang berbeza terhadap si pesakit dengan pesakit yang lain. Kesembuhan sesuatu penyakit itu bergantung kepada ketahanan badan seseorang, kesungguhan pesakit untuk sembuh dan faktor-faktor lain. Tambahan pula, perkara ini juga bertambah rumit apabila perkembangan ilmu perubatan saban hari menjadikan kebanyakan penyakit yang dahulunya tiada ubat baginya berjaya dirawat pada zaman sekarang dan kini tidak lagi menjadi penyakit yang mengancam nyawa. Keadaan ini mendatangkan kesukaran dalam mengenalpasti penyakit *maral' maral' al-mawt* ini, buktinya dapat dilihat melalui perbahasan para ulama' kontemporari dan klasik tentang syarat-syarat yang ditetapkan bagi mengenalpasti *maral' maral' al-mawt* ini, didapati tidak terdapat satu pun senarai penyakit yang khusus sebagai

maral maral al-mawt. Akan tetapi, sebahagian ulama' mencari jalan bagi memudahkan proses pengenalpastian *maral maral al-mawt* ini dengan membahagikan penyakit yang pelbagai ini kepada empat jenis iaitu: Pertama: Penyakit biasa; Kedua: Penyakit kronik yang berpanjangan; Ketiga: Penyakit yang ditakuti membawa kematian; Keempat: Penyakit yang akan membawa kematian (Ibn QudEamah, 1968:4:406). DEym (2007) menyenaraikan secara ringkas penyakit yang berkaitan dalam perbahasan para ulama' iaitu;

- 1) Penyakit biasa: penyakit yang kebiasaannya tidak membawa pesakitnya kepada maut, hukumnya seperti orang sihat. Contohnya: sakit gigi, sakit mata, buta, tempang dan sebagainya.
- 2) Penyakit kronik yang berpanjangan: penyakit yang kronik dan berisiko, menyebabkan penghidapnya melalui tempoh yang panjang sehingga boleh membawa maut seperti lumpuh, kusta, kencing manis dan sebagainya.
- 3) Penyakit yang dinyakini membawa kematian segera seperti kemalangan, dibunuh, disembelih.
- 4) Penyakit yang ditakuti padanya membawa kematian seperti taun, hidung berdarah secara berlebihan, keradangan usus dan sebagainya.
- 5) Perkara yang menyerupai *maral maral al-mawt*: keadaan yang menyebabkan manusia merasakan takut dan hampir kepada kematian, dan hukumnya seperti pesakit *maral maral al-mawt* walaupun berada dalam keadaan sihat disisi jumah seperti takut lemas menaiki kapal di laut, takut mati dibunuh dan sebagainya

Setiap penyakit ini, perlulah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama', sekiranya tidak maka hukum atas perbuatannya sama seperti hukum orang yang sihat dan setiap daripada empat kategori penyakit ini berpotensi menjadi *maral maral al-mawt*, sekiranya penyakit bertambah teruk sehingga membawa maut dan hilang kewarasan pada akalnya maka tetap dikira sebagai *maral maral al-mawt* walaupun didiagnos sebagai penyakit biasa permulaannya. Tambahan pula, terdapat empat perkara yang perlu difahami dalam pengenalpastian *maral maral al-mawt* iaitu;

Pertama: pengenalpastian penyakit ini bukan bersifat statik iaitu kekal dari mula pesakit terminal ini disahkan doktor perubahan penyakitnya akan membawa maut, kerana terdapat kajian perubahan yang menyokong suatu penyakit yang membawa maut atau dikenali sebagai *terminal illness* atau *life threatening illness* ini tidak semestinya berakhir dengan kematian bahkan terdapat kebarangkalian pesakit ini boleh sembuh (M.Kleespies, 2004:4, DEym, 2007).

Kedua: pesakit *maral al-mawt* juga tidak semestinya berakhir dengan kematian atas faktor penyakit tersebut, kematian pesakit boleh berlaku atas sebab lain seperti terjatuh, terbunuh dan sebagainya.

Ketiga: *maral maral al-mawt* bukan merujuk kepada satu penyakit tetapi sekumpulan penyakit dan perkara yang menyebabkan seseorang merasa dirinya dekat dengan kematian sehingga boleh membawa maut berdasarkan syarat-syarat yang telah digariskan oleh para ulama'.

Keempat: segala penentuan tahap kesihatan pesakit perlu mendapat diagnosis dan nasihat daripada doktor yang bertauliah.

Klasifikasi penyakit yang pelbagai ini penting supaya dapat memberi kefahaman dan secara tidak langsung membantu dalam membezakan antara penyakit yang diambilkira sebagai *maral maral al-mawt* dan bukan *maral maral al-mawt*. Seterusnya, membantu dalam penentuan hukum atas perbuatan pemberi harta samada dihukum sebagai orang sihat dan sebaliknya.

Hukum Hibah dan Wasiat ketika *Maral Maral Al-mawt*

Pesakit *marā' al-mawt* dan seseorang ketika merasakan dirinya hampir kepada kematian maka kebanyakan daripada mereka mengalami gangguan emosi yang tidak menentu (Chochinov, 2000). Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sebarang tindakan yang mereka lakukan terutamanya dalam konteks pemberian sukarela seperti hibah, wasiat dan wakaf ini. Sekiranya, pesakit terminal itu masih hidup selepas tempoh setahun atau sembuh dari penyakitnya setelah keputusan pemberian hibah itu dibuat maka hukum pemberian itu termasuk sebagai hibah apabila kematian berlaku selepas tempoh tersebut. Akan tetapi, sekiranya pesakit terminal tersebut meninggal dunia atas sebab *marā' marā' al-mawt* ataupun perkara yang berkaitan dengannya, selepas keputusan pemberian hibah itu dibuat maka, para ulama' berselisih pendapat dalam hal ini dan terdapat tiga pembahagian perbincangan dalam isu ni:

1. Pesakit terminal yang tidak mempunyai masalah hutang dan mempunyai waris.

Para ulama' berbeza pendapat dalam menentukan status hibah oleh pesakit terminal yang tidak berhutang bagi mereka memiliki waris. Pandangan pertama ialah pandangan jumhur ulama' termasuk Hanafiyyah (Al-MurhinĒni, t.t:4: 545), Malikiyyah (Al-RahĒlĒ, 2003:1: 301), SyafiĒniyah (Al-Nawawi, t.t:15: 441) dan Hanabilah (Ibn QudĒmah, 1968:6: 146) menyatakan hibah pesakit *marā' marā' al-mawt* tertakluk kepada satu pertiga kadar wasiat. Antara hujah yang para ulama' kemukakan daripada hadis Abu Hurairah *radiyallahu Ēanhu* (Ibn MĒjah, t.t: 2:904):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ، عِنْدَ وَفَاتِكُمْ، بِثُلْثِ أَمْوَالِكُمْ، زِيَادَةً لَكُمْ فِي أَعْمَالِكُمْ»

Maksudnya: daripada Abu Hurairah *radiyallahu Ēanhu* berkata sabda Rasulullah *salallahu alaihi wasallam* sesungguhnya Allah bersedekah kepada kamu satu pertiga harta kamu ketika saat hampir mati sebagai penambahan kebaikanmu agar dapat menambah pahala amalanmu.

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan Abu Hurairah *radiyallahu Ēanhu* ini menunjukkan pemberian seseorang itu terbatas pada kadar satu pertiga sahaja seperti wasiat. Pemberi dalam konteks hadis ini merangkumi makna umum, seseorang yang sihat, sakit *marā' al-mawt* dan sakit bukan *marā' al-mawt*. Pada masa yang sama, hadis ini juga memberi isyarat secara *mafhum mukhalafah* atau makna yang tersirat bahawa pemberian yang melebihi satu pertiga adalah bertentangan dengan hadis tersebut (ØabĒh, 2011). Walaubagaimanapun, terdapat hadis lain yang mengkhususkan makna hadis ini iaitu; berdasarkan hadis Imran bin Husoyn *radiyallahu Ēanhu*:

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ، «أَنَّ رَجُلًا أَعْتَقَ سِتَّةَ مَمْلُوكِينَ لَهُ عِنْدَ مَوْتِهِ، لَمْ يَكُنْ لَهُ مَالٌ غَيْرَهُمْ، فَدَعَا بِهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَجَزَّاهُمْ أَتْلَانًا، ثُمَّ أَفْرَعَ بَيْنَهُمْ، فَأَعْتَقَ اثْنَيْنِ، وَأَرَقَّ أَرْبَعَةَ، وَقَالَ لَهُ قَوْلًا شَدِيدًا»

Daripada Imran bin Husoyn *radiyallahu Ēanhu* berkata: Seseorang lelaki memerdekakan enam hamba di saat kematiannya sedangkan dia tidak mempunyai harta melainkan hamba-hamba tersebut. Maka, Rasulullah s.a.w membahagikan mereka kepada tiga kumpulan dan melakukan undian. Lalu, dua orang dibebaskan dan empat orang kekal menjadi hamba. Nabi s.a.w berkata dengan kata-kata yang tegas (Muslim, 2000: 735).

Hadis ini menjelaskan bahawa nabi s.a.w memberi amaran keras kepada sahabat yang ingin memberikan kesemua hartanya dengan membebaskan keenam-enam hamba yang dimilikinya. Hal ini demikian kerana, keadaan ini menyalahi hukum Allah, yang menetapkan pemberian ketika dalam situasi *marā' marā' al-mawt* ini hanya terhad pada kadar satu pertiga kadar wasiat bukan seperti hibah, yang tidak memiliki batas maksima dalam pemberiannya. Begitu juga pada hadis SaĒad bin Abi WaqĒl *radiyallahu Ēanhu*:

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: جَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودِي وَأَنَا بِمَكَّةَ، وَهُوَ يَكْرَهُ أَنْ يَمُوتَ بِالْأَرْضِ الَّتِي هَاجَرَ مِنْهَا، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَوْصِي بِمَالِي كُلِّهِ؟ قَالَ: «لَا»، قُلْتُ: فَالْشَّطْرُ، قَالَ: «لَا»، قُلْتُ: النَّثْلُ، قَالَ: «فَالنَّثْلُ، وَالنَّثْلُ كَثِيرٌ، إِنَّكَ أَنْ تَدْعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ»

Daripada Sañad bin WaqÊl *radiyallahu Ñanhu* berkata: “telah datang Rasulullah s.a.w berkunjung ke tempatku (ketika Sañad menderita sakit keras sewaktu Rasulullah s.a.w melakukan hajjatul wada’) ,maka saya bertanya: “Ya Rasulullah, bolehkah aku sedekahkan dua pertiga dari hartaku? Rasulullah s.a.w menjawab: “Tidak”. Saya bertanya: “separuh?” Rasulullah s.a.w menjawab: “Tidak”. Saya bertanya: “Sepertiga ya Rasulullah?” Rasulullah s.a.w menjawab: “Sepertiga itu cukup banyak dan besar, sesungguhnya jika engkau meninggalkan ahli warismu kaya-kaya, lebih baik daripada kau tinggalkan mereka miskin, hingga terpaksa meminta-minta pada orang. ...”(Al-BukhÊrÊ, 2001:4:3).

Melalui hadis ni, terdapat isyarat dan penerangan yang jelas, iaitu pemberian pada kadar satu pertiga khusus ketika *maral maral al-mawt* ini bukanlah suatu yang sia-sia, kerana perkara ini melibatkan penjagaan hak orang lain terutamanya kepada waris yang ditinggalkan. Kecuaian dalam hal ini boleh memudaratkan waris sepertimana yang dinyatakan dalam hadis "إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفُّونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ". Sebarang pemberian yang mendatangkan kemudaratkan kepada orang lain bertentangan dengan islam yang menekankan konsep tidak ada sebarang mudarat dan tidak juga memudaratkan yang lain " لا ضرر ولا ضرار " Oleh itu, pematuhan pada penetapan ini perlu diikuti dan diamalkan.

Seterusnya, jumhur ulama’ berhujahkan dalil qiyÊs iaitu; pemberian atau aÑtiyyah mengikut hukum wasiat kerana wasiat merupakan akad tabarruÑ yang pemindahan hartanya berlaku selepas mati begitu juga hibah dalam hal ini merupakan suatu akad tabarruÑ. Maka, hibah mengikut hukum wasiat iaitu tertakluk kepada satu pertiga atau lebih jika mendapat keizinan waris dan pemberi hutang.

Manakala, pandangan kedua bagi isu ini adalah daripada Mazhab ÚahirÊ, yang menyatakan seseorang yang melakukan pemberian atau hibah pada ketika *maral maral al-mawt* boleh mengikut kehendaknya dan kadarnya diambil pada asal harta atau tidak mempunyai had yang terbatas padanya (Ibn Hazm, t.t 8: 353). Antara hujah yang dikemukakan;

Seorang pesakit terminal ini juga adalah pemilik bagi hartanya, maka pemiliknya bebas melakukan apa sahaja terhadap hartanya tanpa had. Dalam erti kata lain, pemilik boleh menghibah hartanya pada had satu pertiga atau lebih.

Tambahan pula, pesakit juga mempunyai hak penuh keatas pemilikan hartanya, maka waris atau orang lain tidak mempunyai hak pada harta tersebut (Ibn Hazm, t.t 8: 357).

Pendapat yang rajih: berdasarkan kepada dalil-dalil yang dikemukakan oleh para ulama’, penyelidik mendapati pandangan jumhur ulama’ lebih tepat dalam hal ini. Hal ini demikian kerana, dalil-dalil yang diutarakan oleh jumhur lebih jelas dan kuat. Selain itu juga, hujah yang diberikan menepati konsep pemilikan dalam islam yang memberikan hak kepada pemilik harta untuk melakukan apa sahaja terhadap pemilikannya akan tetapi masih perlu mengikuti batas-batas yang ditetapkan oleh syara’(Nawi Abdullah, 2004) antaranya penetapan kadar satu pertiga dalam *konteks maral maral al-mawt* ini. Pendapat jumhur juga lebih menjaga kemaslahatan dan mengelak kemudaratkan yang boleh berlaku hasil daripada pemberian tersebut.

Sungguhpun begitu sekiranya, seseorang yang tidak berhutang ingin melakukan hibah melebihi kadar satu pertiga atau hibah diberikan kepada waris maka perlu meminta izin waris kerana lebihan daripada kadar wasiat tersebut merupakan hak mereka, dan sekiranya waris tidak membenarkannya maka terbatal hibah tersebut dan tertakluk kepada satu pertiga sahaja(Mohamad Zamro Muda, 2008: 10).

2. Pesakit yang tidak mempunyai masalah hutang dan tidak mempunyai waris atau memiliki seorang sahaja waris.

Pendapat kedua, daripada Mazhab *Syafi'iyah* (Al-Bujairi, 1995:3:85) dan *Malikiyah* (Ibn Juzai, t.t) berpendapat hibah tertakluk pada satu pertiga harta seperti hukum wasiat kerana lebih daripada satu pertiga itu merupakan hak muslimin yang lain dan tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya terhadap lebih itu tanpa melalui keizinan mereka. Di samping itu, imam atau pemerintahan juga tiada hak dalam membenarkan melebihi kadar satu pertiga, sekiranya penghibah bertindak sedemikian maka akan menyebabkan mudarat kepada institusi baitulmal.

Para ulama' juga berselisih dalam hal ini iaitu; dalam *Mazhab Hanafiyyah* dalam *Majallah Al-Ahkam Adliyah* pada klausa bernombor 877 (Haidar, 2003: 483), berpendapat penghibah pada keadaan *maral maral al-mawt* yang tidak mempunyai waris atau mempunyai seorang waris berhak untuk melakukan apa sahaja terhadap hartanya, termasuk menghibahkan semua harta miliknya dan baitulmal tidak berhak untuk menghalang penghibah tersebut.

Pendapat yang rajih: berdasarkan perbezaan pendapat diatas, *Mazhab Hanafiyyah* lebih tepat dalam hal ini berikutan daripada punca masalah harta *maral maral al-mawt* ini tertakluk kepada satu pertiga kerana terdapatnya hak waris dan pemberi hutang dalam pewarisan harta pesakit tersebut. Maka, dengan ketiadaan waris atau seseorang pesakit itu mempunyai seorang waris tidak perlu untuk terikat dalam batas satu pertiga wasiat ini. Seterusnya, berdasarkan pendapat *Malikiyyah* dan *Syafi'iyah* yang mengatakan bahawa terdapat hak muslimin juga adalah tidak benar kerana pemilik sebenar bagi harta tersebut adalah pesakit itu bukan selain daripada mereka (Al-Haq, 2011: 682)

3. Pesakit mempunyai masalah hutang samada mempunyai waris atau tidak.

Terdapat dua kebarangkalian bagi pesakit terminal ini mempunyai hutang samada hutangnya melebihi hartanya atau kurang daripada jumlah harta. Pertama, dalam keadaan pesakit yang mempunyai hutang yang melebihi hartanya, hibah tersebut boleh dibatalkan kerana mempunyai unsur memudaratkan kecuali dibenarkan oleh peminjam hutang (Al-Semirani, 1983: 160). Hal ini demikian kerana, jika berlakunya hibah si pesakit, maka hutang akan dibayar daripada baki harta pesakit tersebut selepas hibah, oleh kerana hutang melebihi hartanya kemungkinan bagi si pesakit tidak mempunyai lebih dan tidak mampu untuk membayar semula hutang tersebut selepas hibah terlaksana. Keadaan ini akan memudaratkan kedua pihak terutamanya kepada peminjam hutang tersebut. Maka, dalam hal ini hibah boleh dibatalkan kerana terdapatnya hak peminjam hutang yang lebih berhak keatas harta pesakit tersebut dan perlu diutamakan berbanding waris (Oghair, 2015: 139).

Kedua, pesakit terminal yang memiliki hutang daripada sebahagian jumlah hartanya ingin menghibahkan hartanya, maka pemberian pesakit terminal pada keadaan ini hanya terhad kepada kadar satu pertiga daripada baki harta selepas melangsaikan hutang kepada peminjam hutang tanpa perlu kepada izin waris (Oabeh, 2011: 685), hukum hibahnya seperti pesakit terminal yang tidak memiliki hutang. Sebaliknya, jika pesakit terminal mahu menghibahkan harta melebihi kadar wasiat tersebut maka, perlu mendapatkan izin daripada waris kerana lebih daripada satu pertiga itu adalah merupakan hak mereka.

Hukum Wakaf ketika *Maral Maral Al-Mawt*

Pada asalnya, hukum wakaf bagi orang yang sihat dan bebas daripada hutang yang mengikut rukun dan syaratnya adalah sah oleh majoriti ulama' berbeza dengan wakaf pesakit *maral al-mawt* terdapat hukum khas baginya. Wakaf ketika *maral maral al-mawt* ini melibatkan satu proses penahanan harta yang dimiliki dalam bentuk *an'yn* atau manfaat secara berkekalan ketika pesakit *maral al-mawt* ini merasakan ajalnya sudah hampir atas faktor menghadapi penyakit atau perkara yang membawa kematian. Secara umumnya, wakaf pada keadaan ini

tertakluk kepada hukum wasiat satu pertiga daripada harta, akan tetapi hukum berubah mengikut keadaan tertentu seperti hibah berdasarkan kepada keadaan berikut (Ikrimah, 2008:214):

1) **Wakaf pesakit yang tidak mempunyai masalah hutang yang memiliki waris.**

Bagi pesakit yang tergolong dalam kategori ini, wakaf pada keadaan ini tertakluk pada kadar satu pertiga wasiat sahaja, jika pesakit ingin mewakafkan hartanya melebihi satu pertiga kepada selain waris harta maka izin waris diperlukan dalam melaksanakannya. Selain itu, jika pesakit ingin memberi wakaf kepada waris hukumnya tidak dibenarkan pada asalnya walaupun pada kadar wasiat satu pertiga kecuali atas keizinan waris-warisan yang lain.

2) **Wakaf seseorang yang berhutang.**

Sepertimana hibah keadaan pesakit yang berhutang juga terbahagi kepada dua iaitu: pesakit memiliki hutang yang melebihi hartanya dan pesakit yang memiliki hutang yang tidak melebihi hartanya. Pertama, sekiranya pesakit *marāʾ al-mawt* memiliki hutang yang melebihi hartanya meninggal dunia selepas wakaf dibuat, maka pada ketika itu para peminjam hutang berhak membenarkan dan membatalkan akad wakaf tersebut dan para waris tidak berhak untuk menghalang peminjam hutang bersetuju walaupun melebihi satu pertiga harta tersebut kerana hak peminjam lebih diutamakan dalam hal ini samada hartanya dihalang untuk digunakan atas tuntutan peminjam hutang atau tidak. Kedua, jika hutang pesakit tidak melebihi hartanya samada memiliki waris atau tidak maka, akad wakafnya secara automatik terlaksana pada kadar satu pertiga setelah dilangsaikan hutang tanpa izin waris. Sebaliknya, bagi pesakit yang mempunyai seorang waris sahaja, pesakit tersebut berhak untuk mewakafkan pada kadar satu pertiga atau lebih tanpa perlu kepada keizinan kerana tidak unsur memudaratkan hak waris yang lain dan pemberi hutangnya. (Mohammad Rafi, 2008:82).

Pengurusan Harta Bagi Isu *Tabarruʿat* Pesakit *Marāʾ Al-Mawt*

Pengurusan harta merangkumi makna yang luas, melibatkan urusan mengelola, mengurus, mengawal, merancang, mengembangkan harta pada masa akan datang mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan (Mohd Zamro Muda, 2008). Perancangan harta ini termasuk daripada perancangan masa depan yang secara umumnya sangat dititikberatkan disisi islam, ini berdasarkan daripada hadis Ibn Anbas (Al-Hakim, 1990:3:341).

عن ابن عباس، رضي الله عنهما قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لرجلٍ وهو يعطه: «اغنم خمسًا قبل خمس: شباتك قبل هرمك، وصحتك قبل سقمك، وغناك قبل فقرك، وفرغك قبل شغلك، وحياتك قبل موتك»

Maksudnya: Daripada Ibn Anbas *radiallahu ʿanhu* berkata: rasulullah *salallahu alaihi wasallam* bersabda: “Gunakan lima sebelum lima; masa mudamu sebelum masa tuamu, masa sihatmu sebelum masa sakitmu, masa kayamu sebelum miskinmu, masa lapangmu sebelum masa sibukmu dan masa hidupmu sebelum matimu”.

Berdasarkan hadis tersebut, kita seharusnya menggunakan kesempatan yang ada selagimana masih hidup dengan merancang kehidupan kita, terutama sekali dalam perancangan harta kerana kematian itu pasti dan kita tidak mengetahui bila dan dimana kita akan meninggal dunia berdasarkan firman Allah taʿala:

(إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ)

Maksudnya: Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa

yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuanNya.

Secara umumnya, terdapat dua perkara yang harus diberi perhatian dalam hal pengurusan harta ini iaitu; pertama: perancangan harta sebelum *maral maral al-mawt* dan kedua: pengurusan selepas pesakit *maral maral al-mawt* meninggal dunia.

Pertama, perancangan harta sebelum berlaku *maral maral al-mawt* dalam erti kata yang lain termasuk keadaan sihat dan sakit bukan *maral maral al-mawt*. Perancangan pengurusan harta terbahagi kepada dua iaitu perancangan semasa hidup dan perancangan selepas berlakunya kematian pemilik harta (Mohd Zamro, Wafa' Yusof, Zamzuri Zakaria 2006:1). Antara bentuk-bentuk pengurusan harta semasa hidup ialah;

- a) Sedekah secara sukarela
- b) Wakaf am (kebajikan) atau wakaf khas (keluarga)
- c) Wasiat ikhtiyari atau wajibah
- d) Hibah semasa hidup dalam keadaan sihat
- e) Hibah, wasiat atau wakaf ketika *maral maral al-mawt* dan sebagainya.

Manakala, perancangan harta selepas berlaku kematian dan setelah selesai hak-hak liabiliti harta pusaka seperti hutang, kos perbelanjaan pengurusan jenazah, pelaksanaan wasiat dan sebagainya ialah berdasarkan hukum faraid kecuali waris-waris setuju untuk membahagikan harta secara muafakat.

Selain itu, bagi menjamin pengurusan harta yang sempurna, perancangan yang rapi perlu dilakukan. Pemilik harta yang bijak dan bertanggungjawab perlu sedar dan mengetahui bahawa setiap keputusan yang diambil akan mempengaruhi nasib waris yang ditinggalkan selepas mati. Setiap pewaris pasti mahu memberikan yang terbaik untuk keluarga dan kaum kerabatnya selepas peninggalannya dan tidak mahu mewariskan kesusahan kepada mereka kelak. Antara sebab perancangan harta ini perlu dilakukan oleh pemilik harta ialah perancangan harta ini berupaya untuk membantu pemilik harta mengelak daripada masalah yang kita tidak ketahui pada masa akan datang seperti *maral maral al-mawt*. Hal ini demikian kerana, masalah *maral maral al-mawt* ini juga menjadi penyumbang kepada perselisihan faham dalam pewarisan harta ini selepas matinya pesakit tersebut (Muhammad Rafi', 2008:71).

Kemudian, ketika berlakunya kematian si pesakit *maral al-mawt* maka waris atau pengurus harta tersebut perlu menguruskan harta yang ditinggalkan dengan mengikut hukum wasiat yang ditetapkan. Antara perkara paling penting yang perlu dititikberatkan sebagai permulaan kepada pengurusan harta peninggalan si pesakit *maral al-mawt* ini ialah pengesahan dan pengenalpastian seseorang yang menghadapi *maral maral al-mawt*. Seseorang yang sudah meninggal dunia tidak boleh didakwa atau dikira sebagai pesakit *maral al-mawt* sehinggalah datangnya bukti yang mengatakan seseorang itu mengalami perkara-perkara dan penyakit-penyakit yang memenuhi syarat seseorang itu dianggap sebagai *maral al-mawt*. Maka, hukum bagi pemberian sukarela yang tak dapat dibuktikan dianggap seperti orang sihat atau sakit selain daripada *maral maral al-mawt* yang sah mengikut hukum asal bagi wasiat, hibah dan wakaf berdasarkan kepada kaedah *fiqhiyyah* “الأصل بقاء ما كان على ما كان” (Al-SubkÊ, 1991:1:35).

Jika berlaku sebarang pertelingkahan sesama waris-waris, penerima hibah, wasiat, dan wakaf yang mendakwa mempunyai hak keatas harta simati yang *maral maral al-mawt* maka hendaklah mendatangkan bukti atas pendakwaan ini dengan apa cara sekalipun berdasarkan kepada kaedah *fiqhiyyah* “البينة على المدعي واليمين على من أنكر” (Mustafa Al-ZuhaylÊ, 2006:589) kecuali sekiranya terdapat dokumen sah yang bertarikh dan rasmi mensabitkan keadaan simati ini sebagai pesakit terminal maka semua pemberiannya secara sukarela

perluah mengikut hukum *tabarruÑÉt maraÑ maraÑ al-mawt* yang tertakluk pada hukum wasiat berdasarkan keadaan tertentu.

Kepentingan Pengurusan Harta Bagi Isu TabarruÑÉt Pesakit *MaraÑ Al-Mawt*

Hukum khas bagi *tabarruÑÉt* pesakit *maraÑ al-mawt* berbeza dari keadaan sihat dan sakit selain *maraÑ maraÑ al-mawt* ini menunjukkan peri pentingnya hal ini disisi *Syariah Islamiyyah*. Berdasarkan perbincangan ulama' terdahulu dan kontemporari telah menzahirkan lima kepentingan pengurusan harta yang benar ketika *maraÑ maraÑ al-mawt* ini seperti berikut:

1) Menegakkan hukum islam yang dibina atas dasar keadilan.

Pemberian sukarela merupakan perkara mulia yang perlu diamalkan masyarakat. Namun begitu, untuk menjadikan suatu amalan kebajikan itu sempurna maka perlu bagi si pemberinya mengikut tatacaranya yang benar dari segi hukum syarÑÉnya agar tidak melangkaui batas yang ditetapkan dan mencapai kemaslahatan, keadilan serta menolak kemudaratatan untuk semua perkara seperti hukum wakaf dan hibah tertakluk kepada satu pertiga wasiat kecuali diizinkan oleh hak waris-waris dan pemberi hutang kerana lebihan tersebut merupakan hak dan milik mereka.

2) Menjaga kemaslahatan pelbagai pihak serta menolak kemudaratatan daripada berlaku.

Disamping itu, penting untuk difahami dalam kes ini tentang matlamat baik tidak akan menghalalkan cara yang salah dalam erti kata lain, matlamat atau tujuan yang baik dalam berbuat kebajikan tidak membenarkan apa jua pemberian yang dilakukan dengan cara yang salah iaitu; mengabaikan hak waris dan pemberi hutang yang lebih berhak keatas harta tersebut. *Syariah Islamiyyah* menekankan tujuan yang benar harus datang dengan cara dan wasilah yang benar iaitu mengikut aturan dan larangan Allah *subhanahu wa ta'ala* tanpa memudaratkan orang lain atas kehendak dan perbuatan kita sepertimana yang disebut dalam hadis nabi s.a.w yang memberi komen dan nasihat kepada SaÑad bin Abi WaqÉÊ tentang pemberiannya ketika *maraÑ maraÑ al-mawt* ini;

«فَالْتُلْتُ، وَالتُّلْتُ كَثِيرٌ، إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدَعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّرُونَ النَّاسَ فِي أَيِّدِيهِمْ»

Maksudnya: "...Sepertiga itu cukup banyak dan besar, sesungguhnya jika engkau meninggalkan ahli warismu kaya-kaya, lebih baik daripada kau tinggalkan mereka miskin, hingga terpaksa meminta-minta pada orang...."

3) Mengelak daripada tohmahan dan fitnah terhadap pemberian sukarela yang dibuat.

Tambahan pula, ketika mana seseorang mengalami sakit yang kritikal, kebarangkalian untuk seseorang melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan waris dan pemberi hutang juga boleh berlaku seperti membuat pemberian sukarela kepada orang lain ketika *maraÑ maraÑ al-mawt* supaya warisnya mendapat mudarat. Hal ini demikian kerana kondisi pesakit yang hampir mati mendorong seseorang melakukan sesuatu diluar kawalan dan batasan pemikiran normal. Maka, sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelak daripada tohmahan dan fitnah ini maka, syariah menetapkan kadar satu pertiga bagi mengelak sebarang risiko dan kemudaratatan kepada waris dan pemberi hutang (Muhammad RafiÑ, 2008:71).

4) Mengelak daripada berlaku permusuhan dan pergaduhan.

Antara tujuan penetapan kadar pemberian sukarela bagi wakaf, wasiat dan hibah pada kadar satu pertiga dan akad ini terikat dengan keizinan waris dan pemberi hutang ini ialah supaya tidak berlaku sebarang permusuhan dan pergaduhan dalam kalangan mereka (Al-Zuhayli, 2007:15). Pergaduhan dalam kalangan waris boleh menyebabkan proses pembahagian harta selepas matinya pesakit *marā' al-mawt* terganggu kerana tiada kerjasama dalam menyelesaikan permasalahan pewarisan harta

5) Memudahkan urusan pembahagian harta faraid.

Selepas pesakit terminal meninggal dunia, maka pewarisan harta secara faraid akan berlaku mengikut kadar yang ditetapkan bagi waris yang terlibat. Maka, sebarang akad *tabarru'at* yang dilakukan semasa hidup akan bertembung dengan pengurusan harta selepas mati. Pertembungan ini akan menyumbang kepada faktor kerumitan dan kekeliruan dalam membahagikan harta pusaka secara faraid kepada waris-warisnya jika pengurusan harta dalam konteks *marā' al-mawt* ini tak dilaksanakan dengan baik. Malah, kekeliruan dalam menguruskan harta bagi pesakit *marā' al-mawt* ini boleh menjurus kepada penetapan hukum dan pembahagian yang kurang tepat dan tidak efektif. (Rusnadewi Abdul Rashid, 2013:98). Hal ini terbukti kerana, ramai dalam kalangan masyarakat tidak menyedari bahawa apabila seseorang meninggalkan dunia, waris terpaksa melalui kepayahan sistem pentadbiran sebelum harta dapat diagihkan secara faraid. Maka, sikap mereka yang mengambil mudah dalam hal ini boleh menimbulkan permasalahan lain. Jesteru, bagi mengurangkan kerumitan yang bakal berlaku pada pengurusan harta secara faraid dan melancarkan proses pengurusan dan pembahagian harta dapat dilaksanakan dengan mengurangkan kes-kes seperti kekeliruan dalam pemberian *marā' al-mawt* ini melalui perancangan awal bagi pengurusan harta si pesakit *marā' al-mawt* perlu dilakukan seperti hibah semasa hidup disamping membantu hasrat pemberinya tercapai dengan keadaan yang baik (Nor Azlina Abd Wahab, Norafifah Ab Hamid, Norajila Che Man, Rawi Nordin, 2017:66).

6) Mengurangkan statistik dan kadar pembekuan harta yang tidak dituntut.

Sekiranya, pengurusan harta bagi *tabarru'at* pesakit *marā' al-mawt* ini tidak dijalankan dengan sempurna mengikut aturan yang ditetapkan maka pergaduhan sesama waris dan pemberi hutang akan berlaku kerana berlaku ketidakadilan dalam isu ini, maka kebarangkalian harta pusaka ini tidak dituntut juga boleh berlaku akibat waris tidak mahu memberi kerjasama. Keadaan ini menambahkan lagi statistik kadar harta yang tidak dituntut dalam bentuk hartanah dan wang sejak merdeka iaitu melebihi RM60 Billion (Aziz, 2016). Perkara ini mendatangkan kerugian bagi pihak waris, pemberi hutang dan orang yang bukan waris secara khususnya dan kerugian kepada muslimin secara amnya kerana harta tersebut sepatutnya dimanfaatkan oleh orang yang berhak mewarisinya dan menjadi satu kebajikan berpanjangan kepada simati bukan untuk disimpan dan dibekukan. Rentetan itu juga turut mengundang masalah agama, sosial dan ekonomi akibat daripada pengurusan harta yang tidak baik dan efektif.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan tiga metode yang penting, iaitu metode penentuan subjek, pengumpulan maklumat juga dilakukan melalui sumber primer dan sekunder tentang

perbahasan ulama' dalam isu wakaf, wasiat dan hibah bagi pesakit *marā' al-mawt* ini, serta proses analisa maklumat-maklumat daripada dapatan yang diperolehi.

KESIMPULAN

Pengenalpastian kondisi dan tahap penyakit atau kesihatan oleh pakar perubatan perlu dilakukan supaya penetapan hukum seseorang yang berkeadaan *marā' al-mawt* ini dapat dijalankan dengan baik mengikut hukum yang telah ditetapkan dan dibahaskan oleh ulama' kontemporari dan terdahulu. Pengurusan harta bagi *marā' al-mawt* ini penting bagi menjaga enam perkara iaitu; Menegakkan hukum islam yang dibina atas dasar keadilan, Menjaga kemaslahatan pelbagai pihak serta menolak kemudaratkan daripada berlaku, Mengelak daripada berlaku permusuhan dan pergaduhan, Memudahkan urusan pembahagian harta faraid

Kecaknaan dalam isu ini akan membawa kepada pengurusan harta yang baik dan bijak dan berupaya mengelak daripada masalah dan mudarat di kemudian hari terutama kepada waris dan pemberi hutang, Mengurangkan statistik dan kadar pembekuan harta yang tidak dituntut.

Rujukan

- Abdullah, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin. t.t. *Al-QawĒnĒn Al-FiqhĒyyah*.
Abdullah, Nawi. (2004). "Konsep Pemilikan Harta." *Jurnal Usuluddin* 19:21–32.
Aziz, Ilah Hafiz. (2016, Mac 29). RM 60b Harta Umat Islam Tidak Dituntut. *Berita Harian Online*. dalam <https://www.bharian.com.my/node/138450>.
Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Said bin Hazm AL-Andalusi Al-Qurtubi Al-ŪohirĒ. t.t.. *Al-Muhalla Bil Athar*. Beirut, Lubnan: Dar al fikr.
Ibn QudĒmah, Abu Muhammad Muwaffiquddin bin Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin QudĒmah. (1968). *Al-Mughni*. Kaherah: Maktabah Kaherah.
Ibn ManzĒr, Muhammad Bin Mukram bin Ali Jamaluddin Ibn ManzĒr Al-Ansari. (1994). *Lisan Al-Arab*. Edisi Ketiga. Beirut, Lubnan: Dar Ōadir.
Al-BukhĒrĒ, Mohamad bin Ismail Abu Abdullah. (2001). *Al-JĒmiĒ Almusnad Al-Ōahih Al-Mukhtasar Min Umuri Rasulillah Salallahu Alaihi Wassallam Wa Sunanihi Wa AyyĒmihi*. Edisi Pertama. Lubnan: Dar Ūuq Al-Najah.
Al-FayĒmi, Ahmad bin Mohamad bin Ali. t.t. *Al-Misbah Al-Munir Fi Al-Gharib Al-Syarh Al-Kabir*. Edisi Pertama. Beirut, Lubnan: Maktabah Ilmiah.
Al-Haq, IyaĒ Muhammad Jad. (2011). Hibah Al-MarĒĒ Marā' Al-Mawt Fi Majallah Al-AhkĒm AŒndiah DirĒsah TahlĒĒyah MuqĒranah. *Majallah Islamiyyah (Silsilah Dirasat Islamiyyah)*, 19(2), 515–44.
Al-MurghinĒnĒ, Ali bin Abi Bakr bin Abdul Jalil Al-FarĒhinani. t.t. *Al-Hidayah Fi Syarh Bidayatul Mubtadi'*. Beirut, Lubnan: Dar Al-Turath Al-Arabi.
Al-NawĒwĒ, Abu Zakaria Muhyuddin Yahya bin Syaraf. t.t. *Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab*. Beirut, Lubnan: Dar Al-Fikr.
Al-NisĒburĒ, Al-Hakim Bin Abdullah bin Muhammad. (1990). *Al-Mustadrak A'la Al-SohĒhain*. Edisi Pertama. Beirut, Lubnan: Dar Al-Kutub Al-IŒlmiah.
Al-RahĒĒ, Ibrahim bin Amir bin Ali. (2003). *Al-IntisĒr li Suhbi Wal Ala Min Iftiraati Al-Samawi Al-Dhal*. Edisi Ketiga. Madinah:t.p
Al-RĒzi, Zainuddin bin Abu Bakar. (1999). *Mukhtar SahnĒh*. Edisi Kelima. Beirut, Lubnan:

Al-Maktabah Al-AñÑiriah.

- Al-Saudi, Abdel Wadoud Mustofa Moursi. (2014). “Ahkam Al-Gharar Fi Al- UñÑud Al-TabarruñÑÉt: DirÉsah MuqÉranah.” *Islamiyyat* 36 (2),103–11.
- Al-ZuhaylÉ, Wahbah. (2007). *Al-WaíÉya wa Al- Waqf Fi Fiqh Al-Islami*. Edisi Ketiga. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Al-ZuhaylÉ, Mohammad Mustafa. (2006). *Al-QawÉid Al-Fiqhiyyah Wa TatbiqÉtiha Fi Al-Mazhib Al-Arba’ah*. Edisi Pertama. Damsyik: t.p
- Asjad Mohamed, Norhapizah Burhan, Mohamad Akmal Azman Jusoh, Mohd Farihal Osman, Mohamad Daud Awang. (2016). Wasiat Pesakit Kritikal Menurut Perspektif Hukum Syarak Dan Aplikasinya Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Di Malaysia.” *International Conference in Islamic Jurisprudence*, ICIJ 2016, 16,205–15.
- Al-SÉmiraÉ, Mohamad Abdul Razak. (1983). *TasarrufÉtul Maraì Maraì Al-Mawt Fi Al-ari’ah Syariañh wal QanÉn*. Edisi Pertama. Riyadh :Dar Ulum.
- Al-Zarqa’, Mustafa Ahmad. (2012). *Al-Madkhal Al-fiqh A’m*. Edisi Ketiga. Beirut, Lubnan: Dar Qalam.
- Chochinov, Harvey Max. (2000). Psychiatry and Terminal Illness. *Canadian Journal of Psychiatry*. <https://doi.org/10.1177/070674370004500204>.
- DÉym, Hasna MahmuÉ Abd. (2007). *Maraì Maraì Al-Mawt Wa Asarihi a’la A’kdu Baia’*. Edisi Pertama. Alexandria, Mesir: Dar Al-fikr Al-JamaÑie.
- HaidÉR, Ali. (2003). *Durarul Hakkam Syarhu Majallah Al-Ahkam*. Edisi Khas. Beirut, Lubnan: Dar Al-Jail.
- Ibn MÉjah, Abu Abdullah Muhamad bin Yazid Al-QazwÉnÉ. Sunan Ibn MÉjah. t.t. Kaherah,Mesir Dar Al-Ihya' Al-Kutub Al-Arabiah.
- Jayusman, Jayusman. (2016). “Permasalahan Menarche Dini (Tinjauan Hukum Islam Terhadap Konsep Mukallaf). *YUDISIA : Jurnal Pemikiran Hukum Dan Hukum Islam* 5(1),. <http://journal.stainkudus.ac.id/index.php/Yudisia/article/view/695/684>.
- KanaÉÑn, Ahmad Mohamad. (2006). *Al-Mausuañh Al-Übbiyyah Al-fiqhÉyah*. Edisi kedua. Beirut, Lubnan: Dar Nafais.
- Kasdi, H.Andurrohman. (2017). *Fiqh Wakaf Dari Wakaf Klasik Hingga Wakaf Produktif*. Edited by Umma Farida. Edisi Pertama. Jogjakarta: Idea Press Yogyakarta.
- M.Kleespies, Phillip. (2004). *Life and Death Decisions*. Edisi Kedua. Washington: American Psychological Association
- Mek Wok Mahmud, Akhtarzaite Abdul Aziz, and Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2012). Maqasid Al-Syari’ah. In , Edisi Pertama, 259–90. Kuala Lumpur: IIUM Press. <http://irep.iium.edu.my/28549/>.
- Mohamed, Asjad, Norhapizah Mohd Burhan, Mohd Kamal Azman Jusoh, Mohd Farihal Osman, Mohd Daud Awang, and Fakulti Kemanusiaan USM. (2016). “Wasiat Pesakit Kritikal Menurut Perspektif Hukum Syarak Dan Aplikasinya Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Di Malaysia.” Accessed May 7, 2018. <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2016/10/17-Asjad-Edited.pdf>.
- Mohammad, Mohamad Rafi’ Yunus. (2008). “AhkÉm Al-MarÉì Maraì Al-Mawt.” *Majallah Rafidin Lil HuqÉq* 1(38).
- Muda, Mohd Zamro. (2008). Instrumen Hibah: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia. *Konvensyen Faraid Dan Hibah Kebangsaan*, 1–19. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad, Nasrul Hisyam Nor. (2017). Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam: Prosedur Dan Perlaksanaan. *Jurnal Hadhari*, 9(1):17–32.
- Muhammad Rafi’ Yunus Muhammad. (2008). “AhkÉm Wakaf Al-Mariì Maraì Al-Mawt.” *Rafidain of Law Journal*, 10 (38):70–112. <https://www.iasj.net/iasj?func=fulltext&aId=36942>.

- Muslim, Muslim bin Hajaj bin Abu Hasan Al-QusyairĒ. (2000). *Al-Musnad Al-SahĒh Bi Naql Al-AĒdl Ila Rasulillah Salallahualaihi Wasallam*. Edisi Kedua. Riyad: Darussalam.
- Nor Azlina Abd Wahab, Norafifah Ab Hamid, Norajila Che man, Rawi Nordin (2017). Faraid dan Hibah: Persediaan ke arah pencen hakiki. 5th SEAIIPC 2017 Proceeding, 1(1),21-43.
- Rusnadewi Abdul Rashid, Nor Hisyam Ahmad. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan Dan Mafaat Daripada Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah. *Jurnal Hadhari* ,5(1):91–104.
- Øabah, MĒzin MisbĒh. (2011). “Al-Hibah fi MaraĒ Al-Mawt DirĒsah Fiqhiyyah MuqĒranah.” *Majallah Islamiyyah (Silsilah Dirasat Islamiyyah)*, 19(2):699–665.
- ØaghĒr, Abdul Aziz Bin Mohamad. (2015). *Huquq Al-DĒinin Fi Al-Tarikah Fi Öau Al-Syariah Al-Islamiyah Wifqan Li Qanun Al-Saudi*. Edisi Pertama. Kaherah: National Centre for Legal Publication.
- SamĒhĒ, Khalid. (2012). “Al-NazarĒyah Al-AĒmmah li UqĒd Al-TabarruĒĒt Dirasah MuqĒranah.” *Jamiah Abu Bakar Balqaid Tilmasan*.
- Sundeen, Sandra Joan, and Gail Wiscarz Stuart. (2013). *Principles and Practice of Psychiatric Nursing*. Edisi Kesembilan. Monash : Elsevier Saunders: Maryland Heights.
- Tajuddin Abdul Wahab bin Taqiuddin Al-Subki. (1991). *Al-Asybah Wan Al-Nazair*. Edisi Pertama. Beirut, Lubnan: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- ZaghĒbah, izzuddin bin ZaghĒbah. (2010). *Maqasid Al-Syariah Al-Khassah Bi Tassarufati Al-Malaih*. Edisi Pert. Amman: dar nafais.
- ZaidĒn, Abd Karim. (2014). *Al-WajĒz fi UshĒl Al-Fiqh*. Edisi Pertama. Beirut, Lubnan: Muassasah Al-Risalah.